



GAMBAR fail menunjukkan Jia Jia semasa sambutan hari lahirnya yang ke-37 di Ocean Park Hong Kong, tahun lalu. - AGENSI

Panda tertua di dunia mati

HONG KONG 17 OKT. - Seekor panda gergasi yang diiktiraf tertua di dunia dilaporkan mati ketika berada dalam kurungan di sebuah taman tema dekat sini.

Daily Mail yang memetik kenyataan pengurusan Ocean Park Hong Kong melaporkan, panda yang dinamakan Jia Jia, 38, itu dikatakan sakit sejak lebih dua minggu lalu.

Kehilangan tersebut menyebabkan haiwan yang lima kali melahirkan anak di taman tema itu sukar untuk bergerak berbanding sebelum ini.

Pengerusi Ocean Park, Leo Kung berkata, disebabkan tahap kesihatan Jia Jia yang semakin lemah, pihaknya bersetuju su-

paya 'riwayat hidup' haiwan itu ditamatkan menerusi kaedah eutanasia bagi mengelakkannya daripada terus menderita.

Menurutnya, persetujuan itu dicapai selepas berbincang dengan beberapa ahli veterinar daripada Jabatan Pemuliharaan, Perikanan dan Pertanian tempatan.

"Kami tahu (kematian Jia Jia) akan tiba juga. Semua orang di taman tema ini bersedih terutama mereka yang pernah menjaga Jia Jia selama bertahun-tahun," katanya.

Jia Jia dilahirkan di Sichuan, China telah diserahkan kepada Hong Kong pada 1999 sebagai simbolik penyerahan balik

wilayah itu oleh Britain dua tahun sebelumnya.

Bagaimanapun, disebabkan faktor usia, tahap kesihatan Jia Jia semakin berkurangan dan berat haiwan itu juga dikatakan turun mendadak.

Pada Julai tahun lalu, Jia Jia sempat menerima hadiah berupa kek hari jadi yang diperbuat daripada ais dan jus buah dengan angka 37 tertera di atas kek itu.

Menurut Tabung Hidupan Liar Sedunia (WWF), kurang daripada 2,000 ekor panda gergasi yang tinggal di dalam hutan ketika ini selepas habitat mereka terancam ekoran pembangunan yang semakin pesat.